



PUSAT DAKWAH SERANTAU
YAYASAN AMAL MALAYSIA

BUKU PANDUAN PELAJAR

PERATURAN DAN TATATERTIB

NAMA :

ASAL :

NO. MATRIK:

IKRAR PELAJAR

Bismillahirrahmanirrahim

*Bahawasanya kami,
pelajar-pelajar Pusat Dakwah Serantau, Yayasan Amal Malaysia,
berikrar akan menjadikan Al-Quran
sebagai matlamat kami dan As-sunnah ikutan kami.*

*Kami berjanji akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh
dan dengan penuh istiqamah untuk menjadi pelajar
yang cintakan ilmu dan beramal dengan ilmu.*

*Kami juga berjanji akan mematuhi setiap peraturan PDS
demi kebaikan kami dan nama baik PDS pada setiap masa.*

وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ

"Dan Allah jualah yang menjadi saksi dan Pengawas atas apa yang kita semua katakan itu."

Tandatangan Pelajar:

(_____)

MUQADDIMAH

Dalam melahirkan pelajar mukmin muttaqin yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, memerlukan tahap disiplin yang tinggi seorang pelajar untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Disiplin merupakan satu bentuk kawalan sosial untuk mewujudkan suasana yang tenteram dan teratur samada dalam masyarakat ataupun sekolah. Dalam erti kata lain, disiplin adalah sikap mentaati peraturan dan ketentuan yang telah ditetapkan. Dengan adanya disiplin, masyarakat dapat hidup dalam dengan aman, tenteram, harmoni dan melancarkan segala aktiviti harian.

Dalam ajaran Islam banyak ayat Al Qur'an dan Hadis yang memerintahkan disiplin iaitu ketaatan pada peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada rasul-Nya dan kepada Ulil Amri (penguasa) dari (kalangan) kamu...” (QS An-Nisa: 59)

Diriwayatkan dari At-Tirmizi , dari Abi Darda' r.a. bahawa nabi saw. bersabda yang bermaksud:

“Tiadalah sesuatu yang paling memberati timbangan seorang mukmin pada hari qiamat kelak selain daripada kemuliaan akhlaq dan sesungguhnya Allah S.W.T. teramat murka akhlaq yang keji lagi hina.”

Disiplin adalah kunci sukses, kerana dengan disiplin akan tumbuh sifat yang teguh dalam memegang prinsip, tekun dalam usaha mahupun belajar, pantang mundur dalam kebenaran, dan rela berkorban untuk kepentingan agama serta jauh dari sifat putus asa.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku diutuskan (oleh Allah) bagi menyempurnakan kemuliaan akhlaq.”

(HR Imam Malik)

Disiplin adalah pengurusan tatalaku agar ianya tidak semata – mata terhenti diatas nilainya yang baik dan mulia tetapi kebaikan dan kemulian tatalaku itu ditadbir agar menepati ketetapan, arahan dan peraturan yang baik pula.

Justeru, buku Panduan Pelajar: Peraturan dan Tatatertib ini digubal untuk memastikan pelajar sentiasa berdisiplin bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan demi melahirkan da'ie yang berakhlak mulia yang menjadi role-model dalam masyarakat. InsyaAllah.

1. HAK DAN KUASA PIHAK PENGURUSAN

- I. Bagi memelihara dan menguatkuasakan peraturan dan disiplin pelajar PDS sama ada semasa atau di luar waktu belajar rasmi, pihak pengurusan boleh menggunakan pendekatan dan kaedah yang sesuai mengikut budi bicaranya ke atas pelajar-pelajar yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar disiplin PDS ini.
- II. Manakala bagi kelas al-Quran, kuliah Maghrib, Dhuha dan kelas akademik, kuasa ini diberikan kepada pensyarah, para ustaz dan guru masing-masing.
- III. Peraturan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Eksekutif PDS.
- IV. Pelajar yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman mengikut peringkat dan tahap kesalahan.
- V. Jenis-jenis hukuman adalah seperti berikut (tertakluk kepada budi bicara):

Peringkat 1 : Amaran

Peringkat 2 : Amaran Tegas

Peringkat 3 : Dendaan

Peringkat 4 : Penggantungan

Peringkat 5 : Pemecatan

2. PERATURAN KELUAR MASUK PDS

- I. Setiap pelajar dikehendaki mengisi Buku Keluar/Masuk PDS setiap kali meninggalkan PDS untuk urusan persendirian. Pelajar perlu memastikan kelulusan dan kebenaran sewajarnya telah diperoleh daripada Mudir/Warden/Pengurusan PDS sebelum pelajar keluar daripada PDS untuk sebarang urusan selain aktiviti luar anjuran PDS.
- II. Pelajar hanya dibenarkan keluar pada hari cuti Sabtu dan Ahad atau hari-hari yang ditetapkan oleh pengurusan PDS dan pulang sebelum jam 5.00 petang.
- III. Bagi permohonan untuk bermalam di luar sama ada balik kampung atau ke rumah waris terdekat (ada hubungan Muhrim) hendaklah kemukakan permohonan sekurang-kurangnya TIGA hari sebelum tarikh untuk keluar.
- IV. Pelajar HENDAKLAH membawa kad matrik ketika berada di luar sebagai dokumen pengenalan diri.

3. BARANGAN DITEGAH DIBAWA KE ASRAMA

- I. Setiap pelajar **DILARANG** membawa:
 - a) Semua jenis radio, speaker, perakam video dan seumpamanya.
 - b) Semua jenis senjata tajam dan berbahaya seperti tukul, pisau, parang dan seumpamanya.
 - c) Barang-barang elektrik seperti pemanas air (*heater*), seterika dan cerek air.
 - d) Semua barang yang memabukkan atau mengkhayalkan. Pelajar yang didapati berbuat demikian akan dikenakan **TINDAKAN TEGAS**.
 - e) Semua jenis majalah hiburan atau bahan lucah/gambar lucah.
 - f) Semua jenis bahan letupan.
 - g) Sebarang poster/pelekat (*sticker*) menunjukkan kartun, pelakon dan penyanyi / budaya kuning.
 - h) Semua jenis alat muzik yang bertali / tiupan seperti gitar, seruling dan seumpamanya.
- II. **Sekiranya barang larangan di atas dijumpai, ia akan dirampas dan tidak akan dikembalikan.**

4. TATA SUSILA PAKAIAN

A) LELAKI

- I. **DIWAJIBKAN** memakai baju uniform rasmi PDS dan berluar slack (warna gelap) semasa sesi akademik.
- II. Pelajar **DIWAJIBKAN** memakai baju Melayu dan berkain sarung atau jubah atau pakaian yang sesuai semasa berada di surau/masjid untuk menunaikan solat Subuh, Maghrib, Isya' dan Jumaat.
- III. Memakai pakaian sukan dan berkasut ketika aktiviti lasak, sukan dan gotong-royong.
- IV. Pelajar **DIWAJIBKAN** memakai pakaian uniform rasmi semasa keluar PDS.
- V. **DILARANG** memakai pakaian jeans semasa kuliah atau sebarang aktiviti rasmi PDS.
- VI. Bagi waktu di luar jadual rasmi, pelajar boleh memakai sebarang pakaian lain asalkan **MENUTUP AURAT** dan tidak mempunyai sebarang tulisan/gambar/imej yang tidak sopan. Seluar pendek **TIDAK** dibenarkan sama sekali.

B) PEREMPUAN

- I. **DIWAJIBKAN** memakai baju uniform rasmi PDS (sekiranya ada) semasa sesi akademik @ memakai baju jubah @ baju kurung yang berwarna hitam @ gelap dan bertudung labuh
- II. Memakai pakaian sukan dan berkasut ketika aktiviti lasak, sukan dan gotong-royong pakaian mesti longgar, labuh dan berwarna hitam @ gelap
- III. Pelajar **DIWAJIBKAN** memakai pakaian uniform rasmi semasa keluar PDS.
- IV. **DILARANG** memakai pakaian yang tidak menutup aurat dengan sempurna sepanjang berada di kawasan melainkan dalam bilik penginapan.
- V. Bagi program di luar PDS, **WAJIB** berpakaian jubah @ baju kurung warna hitam atau gelap serta bertudung labuh.

5. BERGADUH/MEMBULI DAN PENGGUNAAN BAHASA/ISTILAH YANG TIDAK ISLAMIK

- I. Setiap pelajar **DILARANG** sama sekali daripada bergaduh dan membuli antara satu sama lain, selaras dengan maksud firman Allah dalam surah Al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kaum lelaki menghinakan kaum lelaki (yang lain), kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghinakan, dan jangan pula kaum perempuan (menghinakan) kaum perempuan (yang lain), kerana boleh jadi perempuan yang dihinakan itu, lebih baik dari perempuan yang menghinakan. Janganlah kamu cela-mencela sesama kamu dan jangan pula panggil memanggil dengan gelaran (yang tidak baik). Seburuk-buruk nama ialah fasik sesudah keimanan. Barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang yang aniaya.”* Sifat menyayangi dan persaudaraan sesama pelajar adalah menjadi teras kehidupan harian PDS.
- II. Setiap pelajar **DILARANG** sama sekali mengguna bahasa/ungkapan/istilah lucah yang tidak menggambarkan ciri-ciri seorang Mukmin dan pelajar PDS.

6. MENCURI

- I. Mencuri biar sekecil mana pun adalah **DILARANG** sama sekali.
- II. Sekiranya pelajar didapati melakukan kesalahan seperti di atas, hukuman sewajarnya akan dikenakan.

7. MEROSAKKAN BARANG-BARANG KAWAN/HARTA AWAM (VANDALISME)

- I. Menjadi tanggungjawab semua pelajar menjaga dan menggunakan dengan baik semua harta benda PDS. Pelajar perlu menahan diri daripada merosakkan barang-barang kawan atau harta awam. Sekiranya kesalahan ini didapati/dibukti berlaku, pelajar perlu memberi ganti rugi sewajarnya kepada pihak berkaitan.

- II. Sebarang kerosakan harta benda sekolah milik PDS mestilah dilaporkan dengan segera kepada pihak pengurusan PDS.

8. LAWATAN DAN PELAWAT

- I. Sebarang lawatan, sama ada daripada orang awam, tetamu PDS, rakan atau waris pelajar hendaklah DIMAKLUMKAN terlebih dahulu dengan segera kepada pihak pengurusan.
- II. Waktu melawat bagi rakan atau waris pelajar adalah 8.00 pagi – 6.00 petang pada hari cuti sahaja dan di luar waktu pengajian (ketika tiada aktiviti rasmi PDS).
- III. Sila layan tetamu yang hadir dengan baik seperti menyediakan minuman dan mempelawa duduk sebelum mereka menemui individu yang berkenaan.
- IV. Tidak digalakan tetamu dibawa naik ke tempat penginapan, layanlah tetamu di ruang yang ditentukan dan disediakan oleh PDS.
- V. Pelajar perempuan tidak dibenarkan menerima tetamu lelaki yang bukan muhrim, begitu juga pelajar lelaki tidak dibenarkan menerima tetamu perempuan yang bukan muhrim.
- VI. Hanya tetamu yang ada hubungan muhrim sahaja dibenarkan membawa keluar pelajar dengan syarat diberi kebenaran oleh Mudir @ Warden.

9. PERATURAN KEBERSIHAN

- I. Semua pelajar mestilah menjaga kebersihan, kekemasan dan keceriaan premis PDS dan kawasan sekitarnya.
- II. Pelajar-pelajar DILARANG membuang sampah di merata tempat melainkan di dalam bakul sampah yang disediakan.
- III. Sampah dalam bakul sampah hendaklah segera dibuang ke tempat yang telah ditentukan. Sampah-sarap jangan ditinggalkan di kaki lima atau disapu ke dalam longkang.
- IV. Para pelajar digalakkan menceriakan kawasan PDS dengan tanaman bunga dan sayur-sayuran.
- V. Pelajar hendaklah menyediakan dan mengikut jadual tugas dan tempat masing-masing. Jika didapati terlalu kotor, kumpulan yang diamanahkan akan didenda.
- VI. Contoh Jadual Tugas Harian Pelajar (LAMPIRAN I)

10. PEJABAT PDS

- I. Semua pelajar tidak dibenarkan masuk atau berada di sekeliling kawasan pejabat pada setiap masa. Jika ada sebarang urusan atau diarah oleh penyarah, pelajar dikehendaki meminta kebenaran masuk daripada pegawai yang bertugas.
- II. Hari cuti hujung minggu bagi PDS adalah Sabtu dan Ahad atau hari-hari yang ditetapkan oleh pengurusan PDS. Segala urusan rasmi hendaklah dibuat pada hari-hari bekerja.

11. TATASUSILA/TINGKAHLAKU/PERAWAKAN

- I. Pelajar mestilah berpakaian menutup aurat yang sempurna sepanjang waktu.
- II. Sentiasa hormat menghormati sesama pelajar dan tetamu.
- III. Penampilan sentiasa kemas setiap masa, dan memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti.
- IV. Amalkan berbahasa sopan santun, dan beradab.
- V. Menegur dan bertanya khabar kepada setiap tetamu yang datang
- VI. Para pelajar hendaklah berkelakuan baik dan bertatertib sepanjang masa, mengikuti lawatan-lawatan sambil belajar, mewakili PDS dalam aktiviti-aktiviti yang dibenarkan.
- VII. Bertanggungjawab menjaga nama baik PDS dan berusaha seberapa daya usaha untuk meninggikan dan mengharumkan nama PDS.
- VIII. Amalkan Senyum, Salam dan Sapa (3S)
- IX. WAJIB mengikuti semua aktiviti akademik, kokurikulum, lawatan sambil belajar, gotong-royong dan tarbiyyah serta mematuhi masa yang ditetapkan semasa belajar di PDS.
- X. Semua kedatangan aktiviti akademik, kokurikulum, praktikal, lawatan sambil belajar, gotong-royong dan tarbiyyah akan direkodkan. Penglibatan dalam semua aktiviti ini akan dinilai melalui sistem pemarkahan yang menyeluruh.
- XI. Hendaklah saling bantu-membantu, hormat-menghormati dan memberikan kerjasama kepada Jawatankuasa Pelajar yang dibentuk.
- XII. Sebarang aduan berkenaan asrama hendaklah diajukan kepada Warden.
- XIII. Contoh Carta Organisasi JK Pelajar (LAMPIRAN II)
- XIV. Contoh Jadual Harian PDS (LAMPIRAN III)

12. PERATURAN AKADEMIK

- I. Semua arahan dan tugas pensyarah hendaklah diikuti dan diuruskan dengan teliti dan segera. Banyakkan membaca buku di PDS.
- II. DILARANG ponteng kelas atau ponteng aktiviti. Pelajar TIDAK DIBENARKAN merayau-rayau di sekitar kawasan PDS, asrama dan dewan makan semasa kuliah atau sebarang aktiviti sedang dijalankan.
- III. DILARANG keluar masuk sesuka hati semasa kuliah sedang berjalan. Sila minta kebenaran daripada pensyarah terlebih dahulu.
- IV. Pensyarah boleh mengambil tindakan disiplin jika perlu terhadap pelajar yang tidak mematuhi arahan.
- V. DILARANG meniru semasa ujian dan dalam tugas yang diberikan.
- VI. Telefon bimbit dan sebarang alat elektronik TIDAK DIBENARKAN digunakan semasa kuliah dijalankan. Sekiranya didapati pelajar menggunakannya, pensyarah atau pegawai yang bertugas boleh merampas dan tidak akan memulangkannya.
- VII. Dilarang membuat bising semasa kuliah. Hormati pensyarah dan bercakap dengan bahasa dan nada yang sopan.
- VIII. Sila rujuk pengurusan PDS untuk sebarang pertanyaan/aduan/masalah berkaitan akademik.

13. AKTIVITI KOKURIKULUM DAN TARBIYYAH

- I. Pelajar hendaklah menyediakan dan menyertai setiap aktiviti kokurikulum dan tarbiyyah. Sekiranya ponteng, boleh dikenakan tindakan disiplin.
- II. Kuliah-kuliah di surau WAJIB diikuti. Kehadiran anda akan dinilai.
- III. Pelajar hendaklah menyediakan dan mengikuti Jadual Tugas Imam, Bilal dan Tazkirah (bagi pelajar Lelaki)
- IV. Contoh Jadual Bertugas Imam, Bilal dan Tazkirah (LAMPIRAN IV)

14. PERATURAN DEWAN MAKAN

- I. Pelajar hendaklah menyediakan makanan SENDIRI secara berkumpulan sebagai salah satu modul latihan kemahiran hidup.
- II. Pelajar hanya dibenarkan makan/minum mengikut jadual waktu yang ditetapkan sahaja. Makanan tidak boleh disediakan di luar waktu yang ditetapkan.
- III. Rujuk Contoh Jadual Tugas Harian Pelajar (LAMPIRAN I)

- IV. Sila pastikan sampah yang telah penuh di dalam tong sampah dikeluarkan untuk dilupuskan melalui lori angkut sampah yang berkenaan.
- V. Pastikan semua pinggan, mangkuk, talam dan bekas-bekas dibasuh dan disimpan dengan kemas selepas digunakan.
- VI. TIDAK DIBENARKAN memasak sendiri untuk tujuan lain selain daripada makanan yang telah ditetapkan mengikut jadual waktu makan yang disediakan.
- VII. TIDAK DIBENARKAN mengambil bahan masakan dari dapur untuk tujuan persendirian atau selain penyediaan makanan yang ditetapkan. Pelajar HANYA dibenarkan menggunakan air panas yang disediakan untuk menyediakan minuman atau makanan dengan bahan persendirian.
- VIII. Ruang dapur akan dikunci selepas waktu makan yang ditetapkan.
- IX. Penggunaan televisyen di dewan makan HANYA dibenarkan pada waktu petang selepas sesi akademik (5.00 petang) dan selepas solat Isya' (9.00 hingga 11.00 malam).
- X. Sekiranya barang dapur hampir kehabisan stok, ketua kumpulan hendaklah memaklumkan segera kepada pegawai yang berkenaan pada waktu pejabat.

15. SOLAT DAN AKTIVITI SURAU

- I. WAJIB solat berjamaah setiap waktu di surau.
- II. Sekiranya ketiadaan Imam lelaki, salah seorang pelajar muslimat hendaklah menjadi Imam.
- III. Tidak dibenarkan solat bersendirian di bilik asrama.
- IV. Tidak dibenarkan naik ke bilik asrama selagi tidak selesai wirid, doa dan tazkirah.
- V. Semua aktiviti di surau wajib hadir.

16. SAKIT

- I. Sekiranya terdapat pelajar yang sakit, hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada pengurusan PDS.
- II. Pelajar yang sakit hendaklah dasingkan dan berehat di bilik rehat yang disediakan bagi mengelakkan gangguan, jangkitan dan memudahkan pemantauan pengurusan PDS.

17. PENYEDIAAN KEHIDUPAN LASAK SEBAGAI PERSIAPAN DA'IE.

- I. Bagi membentuk ketahanan da'ie yang unggul dalam menghadapi segala ujian dan rintangan, pelajar hendaklah menyediakan diri untuk kehidupan yang lasak.

18. SISTEM SEMESTER & CUTI

- I. Semester Pertama adalah 6 bulan dari tarikh mula daftar, manakala Semester Kedua adalah 6 bulan kedua selepas peperiksaan akhir dan program dakwah hujung semester.
- II. Cuti antara semester akan diisi dengan berbagai program tarbiyah & kepimpinan, latihan amali dakwah di lapangan dan latihan kemahiran pertanian, perternakan dan perladangan.
- III. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan balek sewaktu program berlangsung.
- IV. Cuti mingguan adalah Sabtu dan Ahad, sekiranya diisi dengan program anjuran PDS atau menghadiri jemputan program luar, ia juga menjadi wajib dihadiri.

19. RUJUKAN DI MASA KECEMASAN

I. Sekiranya anda atau ibu-bapa/waris memerlukan bantuan, hal kecemasan dan pertanyaan berhubung anak masing-masing atau hal-hal berkaitan PDS ini, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

a) Ustaz Misbahul Munir Hj Masduki
Mudir (010-566 7528)

c) Ustaz Mohd Izzuddin Ismail
Timbalan Mudir PDS (011-1320 9297)

d) Daie Aniq Danial Abdullah
Penyelia Asrama Muslimin

d) Ustazah Normuhaimin Naim
Penyelia Asrama Muslimat

Disediakan oleh

Ustaz Mohd Misbahul Munir Hj Masduki

Mudir


Pusat Dakwah Serantau

Contoh Jadual Tugas Harian Pelajar

HARI LOKASI	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
SEMUA TANDAS	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7
BILIK KULIAH/ LIBRARY	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K1
ASRAMA/ KORIDOR TINGKAT 2	K3	K4	K5	K6	K7	K1	K2
SURAU/ DEWAN MAKAN	K4	K5	K6	K7	K1	K2	K3
TAMAN/ KAWASAN SEKITAR	K5	K6	K7	K1	K2	K3	K4
MEMASAK	K6	K7	K1	K2	K3	K4	K5
CERUN/ TAPAK PERTANIAN	K7	K1	K2	K3	K4	K5	K6

Contoh Carta Organisasi Jawatankuasa Pelajar
Pusat Dakwah Serantau

STRUKTUR ORGANISASI
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR



CONTOH JADUAL MUHADHARAH PDS

HARI	MING	MASA	AKTIVITI	PENYAMPAI/ PANELIS	PENGERUSI
SABTU/ AHAD	1	9.00 MLM	SYARAHAN		
	2	9.00 MLM	FORUM		
	3	9.00 MLM	SAJAK		
	4	9.00 MLM	NASYID		

Hari\Masa	0600	0630	0715	0730	0800	1000	1030	1230	0300 - 0400	0430	0500	0630	0700	0930	11.00
ISNIN	Subuh, Tazkirah Subuh Dan Bacaan Al-Ma'tsurat	Quran	Sarapan	Riadhah	Kelas	Rehat Dan Solat Dhuha	Kelas	Rehat, makan & Zohor	Quran	Asar Dan Al-Ma'tsurat	Riadhah/pertanian/keceriaan	Makan malam	Maghrib, Kuliah dan Isya'	Kelas Sifa'	Rehat/tidur
SELASA					Kelas		Kelas		Quran					Usrah	
RABU					Kelas		Kelas		Quran					Kelas Sifa'	
KHAMIS					Kelas		Kelas		Quran					Kaunseling	
JUMAAT					Kelas		Kelas		Quran					Usrah	
SABTU					Ko Kurikulum		Urus diri		Ko Kurikulum					Muhadharah	
AHAD					Kuliah Dhuha		Urus diri		Rehat					Muhadharah	